

# KERATAN AKHBAR

TARIKH : 24 NOVEMBER 2022  
AKHBAR : BERITA HARIAN  
MUKA SURAT : 29

Dagangan luar Malaysia kekal berdaya tahan

## Dagangan luar Malaysia kekal berdaya tahan

**Kepelbagaian produk eksport bantu negara hadapi kelembapan global 2023**

Oleh Hazwan Faisal Mohamad  
hazwanfaisal@bh.com.my

Prestasi perdagangan luar Malaysia diunjur kekal berdaya tahan tahun depan hasil daripada kepelbagaian produk eksport, terutama elektrik dan elektronik (E&E), produk petroleum ditapis serta minyak sawit dan barangan perlombongan meskipun kelembapan global akan memberi kesan ketara terhadap perdagangan dunia, demikian menurut MIDF Research.

"Justeru, untuk tahun depan, kami mengunjurkan ekonomi Ma-

laysia berkembang 4.2 peratus, didorong terutama permintaan dalam negeri," katanya.

Menurut Pertubuhan Kerjasama dan Pembangunan Ekonomi (OECD), ekonomi global mampu mengelak kemelesetan pada tahun depan, tetapi krisis tenaga terburuk sejak 1970-an akan mencetuskan kelembapan mendadak, dengan Eropah paling teruk terkesan sambil menambah bahawa memerangi inflasi harus menjadi keutamaan utama pembuat dasar.

Tinjauan di semua negara adalah berbeza secara meluas, walaupun ekonomi Britain dijangka ketinggalan berbanding negara lain, kata pertumbuhan itu.

Ia meramalkan pertumbuhan ekonomi dunia akan perlahan daripada 3.1 peratus tahun ini, lebih rendah daripada ramalan OECD dalam unjuran September, kepada 2.2 peratus tahun depan, sebelum meningkat kepada 2.7 peratus pada 2024.

MIDF Research berkata, metrik kenyataan Setiausaha



Agung OECD, Mathias Cormann: "Kami tidak mengunjurkan kemelesetan, tetapi kami pasti mengunjurkan tempoh kelemahan yang ketara."

### Kelembapan ekonomi global

Ia berkata, berdasarkan kenyataan itu, OECD mengunjurkan kelembapan ekonomi global pada tahun depan dan bukan kemelesetan.

"Dalam unjuran terkini November 2022, badan antarabangsa itu menaikkan kadar pertumbuhan 2022 sebanyak 0.1 peratus

mata kepada 3.1 peratus dan mengekalkan ramalan 2023 pada 2.2 peratus.

"OECD meramalkan pertumbuhan ekonomi Amerika Syarikat (AS) yang lebih kukuh tahun ini pada 1.8 peratus berbanding 1.5 peratus pada September lalu dan menyederhana kepada 0.5 peratus untuk tahun depan.

"Kesan dasar monetari yang ketat dan tekanan inflasi yang tinggi antara faktor penurunan utama bagi ekonomi AS," katanya. Ia menambah, di seluruh dunia,

OECD menjangkakan China berkembang perlahan sedikit daripada ramalan awal, 4.6 peratus berbanding 4.7 peratus untuk 2023.

"Tinjauan global untuk tahun depan kekal berkembang tetapi pada kadar yang lebih perlahan. Kemungkinan kemelesetan kekal di dalam radar, tetapi tanda-tanda peningkatan asas makroekonomi di banyak negara akan terus menyokong pertumbuhan. Kemungkinan kemelesetan kekal di dalam radar, tetapi tanda-tanda peningkatan asas makroekonomi di banyak negara akan terus menyokong pertumbuhan. Kemungkinan kemelesetan kekal di dalam radar, tetapi tanda-tanda peningkatan asas makroekonomi di banyak negara akan terus menyokong pertumbuhan," katanya.